



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (1)**

**Tarikh: 2 Januari 2024**

## **JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN SECARA ONLINE DAN MENANG HADIAH!**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengalu-alukan semua pemilik harta di Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk menyertai Kempen Jom Bayar Cukai Taksiran Secara Atas Talian bermula 1 Januari sehingga 29 Februari 2024.

Pemilik yang layak menyertai cabutan ini adalah pemilik harta yang menjelaskan bayaran bagi penggal 1/2024 dan penggal 2/2024 (setahun) dan tiada mempunyai tunggakan. Bayaran hendaklah dibuat secara atas talian di laman web (ePay@MBPJ) <https://epay.mbpj.gov.my/> sebelum atau pada 29 Februari 2024 untuk melayakkan pemilik harta dalam proses cabutan bertuah. Pemenang akan dihubungi oleh pihak Majlis dan hebahan melalui laman sosial rasmi Majlis (Facebook: @petalingjayacitycouncil). Tuntutan hadiah bagi pemenang adalah dalam tempoh sebulan dari tarikh penyampaian hadiah.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109 atau layari laman web [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) dan laman sosial rasmi MBPJ (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter& Instagram: @pjcitycouncil).

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (2)**

**Tarikh: 2 Januari 2024**

## **JELAS CUKAI TAKSIRAN SEBELUM 29 FEBRUARI, ELAK DIDENDA.**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengingatkan kepada semua pemilik harta di Petaling Jaya untuk menjelaskan cukai taksiran pada atau sebelum 29 Februari 2024 (Khamis) bagi mengelakkan sebarang caj lewat bayaran dikenakan.

Untuk makluman, MBPJ telah memproses dan mengemaskini bil cukai taksiran bagi setengah tahun pertama (Januari – Jun 2024) melibatkan sebanyak 280,208 pemegang harta dengan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM 291,546.000 juta.

Setiap pemilik harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil cukai taksiran mereka melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesalinanbil> dan membuat bayaran secara atas talian menggunakan laman (**ePay@MBPJ**), <https://epay.mbpj.gov.my/>. Pihak Majlis menggalakkan pemilik harta membuat bayaran secara atas talian.

Pada masa sama, MBPJ juga turut menyediakan beberapa kaedah pembayaran yang boleh dilakukan secara tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad debit / kad kredit seperti berikut:

| BIL | LOKASI                                 | KAUNTER / CARA BAYARAN   | WAKTU KAUNTER DIBUKA/ JENIS BAYARAN  |
|-----|--|--|--|
| 1   | Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya | i. Kaunter Utama Ibu Pejabat<br>ii. Kaunter Pandu Masuk Ibu Pejabat<br>iii. Kaunter Lobi Manara MBPJ<br>iv. Kaunter Pejabat Cawangan, Kota Damansara | 8.00 pagi – 5.00 petang<br>9.00 pagi – 3.00 petang<br>8.00 pagi – 4.30 petang<br>8.00 pagi – 4.00 petang<br>- kaunter ditutup pada hari jumaat jam 12.15 tengahari hingga 2.45 |

|   |                            |  |   |
|---|----------------------------|--|---|
|   |                            |  | petang.<br><br><b><u>Jenis bayaran</u></b><br>Tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos & kad debit/kredit |
| 2 | Laman Web<br>Majlis        | <a href="mailto:epay@mbpj.gov.my">epay@mbpj.gov.my</a>   | <b><u>Waktu</u></b> : 24 jam sehari<br><br><b><u>Jenis bayaran</u></b><br>Kad kredit / Kad debit / FPX  |
| 3 | Pihak Berkuasa<br>Tempatan | i) Semua kaunter pihak berkuasa tempatan di dalam negeri Selangor  | <b><u>Jenis Bayaran</u></b><br><br>- Tunai sahaja beserta bil terkini                                   |
| 4 | Agensi Setempat            | i) Semua kaunter bayaran Pejabat Tanah/Majlis Daerah Negeri Selangor   | <b><u>Jenis Bayaran</u></b><br><br>- Tunai sahaja beserta bil terkini                                   |
| 5 | Arahan Setempat            | i) Pejabat pos – Lembah Klang (Jan & Feb, Julai & Ogos   | <b><u>Jenis bayaran</u></b><br>- Tunai sahaja   |
| 6 | Arahan Tetap (Auto Debit)  | i) American Express (Maybank)  | <b><u>Jenis Bayaran</u></b><br><br>- Kad Kredit   |
| 7 | Perbankan Dalam Talian     | i) Maybank2u<br>ii) JOMPAY (Biller Code : 76737<br>iii) Ambank (click n pay)<br>iv) Ambank<br>v) RHB Bank<br>vi) HSBC Bank<br>vii) Hong Leong Bank<br>viii) Bank Islam | <b><u>Jenis Bayaran</u></b><br><br>- Kad Debit / FPX  |
| 8 | Kiosk Bayaran<br>MBPJ      | i) Kiosk Lobi Ibu Pejabat MBPJ<br>ii) Kiosk Pandu Masuk MBPJ<br>iii) Kiosk Lobi Menara MBPJ<br>iv) Kiosk Pejabat Cawangan<br>v) Kiosk Luar Pejabat                     | <b><u>Jenis Bayaran</u></b><br><br>- Tunai / Kad Debit / Kad Kredit                                     |

|   |                       |   |   |
|---|-----------------------|---|---|
| 9 | <b>Laman Web Luar</b> | i) PBTPay<br>ii) CEPat<br>iii) Pos Online | <b><u>Jenis Bayaran</u></b><br>- Kad Debit / Kad Kredit / FPX |
|---|-----------------------|---|---|

Maklumat lanjut orang ramai boleh layari laman sesawang MBPJ [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) atau kunjungi laman sosial rasmi Majlis (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter& Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi **Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109.**

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (3)**

**Tarikh: 11 Januari 2024**

## **KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI TAMAN AMAN, PETALING JAYA.**

Merujuk kepada pertanyaan wartawan The Star berhubung Taman Aman Petaling Jaya, ingin dijelaskan bahawa tiada sebarang projek menaik taraf bagi tahun 2024 di taman tersebut. Papan tanda yang dipasang di pintu masuk Taman Aman itu adalah pemakluman pelantikan baharu kontraktor penyelenggaraan landskap bagi kerja-kerja pembersihan taman, penyelenggaraan landskap lembut (pokok) dan juga pemotongan rumput di taman ini bermula Disember 2023 hingga tahun 2025.

Untuk makluman, di Taman Aman ini juga dilengkapi dengan 4 unit 'outdoor' kamera litar tertutup (cctv) yang berfungsi sepenuhnya bagi tujuan pemantauan oleh Majlis. Disamping itu juga, kesemua lampu yang terdapat di taman aman ini juga berfungsi sepenuhnya dan kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan yang terdapat di taman tersebut juga dijalankan secara berkala oleh pihak Majlis.

Berkaitan kualiti air tasik taman aman, tasik ini merupakan sebuah tasik yang mempunyai aliran keluar masuk air yang rendah. Antara kaedah yang dijalankan oleh Majlis ialah dengan memasang aerator bagi tujuan pengudaraan yang mampu meningkatkan kandungan oksigen dalam air seterusnya akan meningkatkan kualiti air secara kaedah mekanikal.

Mengambilkira keadaan tasik yang mempunyai alga hijau, Majlis juga menggunakan kaedah larutan probiotik atau "effective microorganism" untuk membantu mengurangkan masalah alga ini. Pemilihan kaedah ini merupakan kaedah lebih mesra alam dan tidak mengandungi bahan racun. Meletakkan kepentingan ekosistem, Majlis tidak akan menggunakan kaedah racun dalam

mengawal isu ini kerana tasik ini mengandungi kitaran ekosistem yang tersendiri. Manakala bagi kaedah kualiti air semasa, melalui sampel air yang dihantar ke makmal di Universiti Teknologi Mara, A&A laboratory, indeks kualiti air bagi bulan November dan Disember 2023 menunjukkan peningkatan tahap kualiti air meningkat daripada 78.3 kepada 80 ataupun pengelasan air ini berada pada tahap IIB mengikut standard kualiti air kebangsaan Malaysia.

Justeru, diharapkan agar penduduk di kawasan tersebut dan pengunjung luar, dapat bersama-sama menjaga kemudahan disediakan serta melaporkan sebarang vandalisme atau kerosakan kemudahan di taman tersebut di talian hotline MBPJ 03-7954 2020 atau emel [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my).

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (4)

Tarikh: 16 Januari 2024

## PEMBUKAAN KAUNTER BERGERAK EZPAY SEMPENA MUSIM PEMBAYARAN CUKAI BAGI PENGGAL 1 TAHUN 2024 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Sempena dengan musim pembayaran cukai taksiran penggal pertama tahun 2024 yang akan berakhir pada 29 Februari 2024, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan membuka kaunter bergerak EZPay. Inisiatif ini merupakan usaha pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat terutamanya pada waktu puncak.

Selain itu, inisiatif ini juga merupakan antara kemudahan pembayaran di lokasi-lokasi luar pejabat MBPJ yang disediakan untuk orang awam berurusan tanpa perlu hadir ke ibu pejabat MBPJ.

Jadual kaunter EZPay sepanjang bulan Februari dan kawasan terlibat adalah seperti berikut:-

| BIL | TEMPAT   | HARI  | TARIKH                           | MASA                |
|-----|--|---|----------------------------------|---------------------|
| 1   | SS24<br>TAMAN MEGAH<br>(BERHAMPIRAN<br>PASAR)        | Sabtu dan Ahad  | 17.2.2024<br>hingga<br>18.2.2024 | 10.00 pg - 3.00 ptg |
| 2   | PJS 8<br>DESA MENTARI<br>(BERHAMPIRAN<br>MCDONALD)   | Sabtu dan Ahad<br><br>(KAUNTER KEMPEN<br>BAYARAN CUKAI) | 24.2.2024<br>hingga<br>25.2.2024 |                     |
| 3   | SD 12/1<br>(BERHAMPIRAN<br>STESYEN MINYAK<br>PETRON) | Rabu dan Khamis   | 28.2.2024<br>hingga<br>29.2.2024 |                     |

Dalam pada itu, Majlis turut menambah waktu operasi kaunter di ibu pejabat MBPJ sempena musim cukai taksiran bagi penggal pertama tahun 2024 seperti berikut:-

| <b>Bil</b> | <b>Tarikh</b>                         | <b>Tempat</b>  | <b>Waktu Operasi</b>        |
|------------|---------------------------------------|--|-----------------------------|
| 1.         | 17.2.2024 (Sabtu)<br>18.2.2024 (Ahad) | <b>Ibu Pejabat</b><br>Majlis Bandaraya<br>Petaling Jaya<br>(HQ) sahaja | 10.00 pagi –<br>4.00 petang |
| 2.         | 24.2.2024 (Sabtu)<br>25.2.2024 (Ahad) |  |                             |

Majlis ingin mengingatkan kepada semua pemilik harta di Petaling Jaya untuk menjelaskan cukai taksiran pada atau sebelum 29 Februari 2024 (Khamis) bagi mengelakkan sebarang caj lewat bayaran dikenakan. Untuk semakan dan mendapatkan salinan bil, orang ramai boleh mendapatkannya melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesalananbil> dan membuat bayaran melalui kaunter yang disediakan atau melalui atas talian menggunakan laman **ePay@MBPJ** atau perbankan internet yang disediakan.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut layari laman sesawang [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) atau kunjungi laman sosial Majlis (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter; Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (5)**

**Tarikh: 18 Januari 2024**

## **MAJLIS PERAKUAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MBPJ PENGAL 2024-2025.**

Seramai 21 Ahli Majlis mengangkat sumpah secara rasmi menerima jawatan selaku Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di hadapan Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Aznan bin Haji Hassan di Ibu Pejabat MBPJ hari ini.

Pelantikan tersebut bertujuan mengisi kekosongan kerusi Ahli Majlis MBPJ bagi sesi 2024/2026 seterusnya membantu MBPJ menyampaikan perkhidmatan yang cekap, efektif serta proaktif bagi memastikan kepuasan penduduk Petaling Jaya.

Menerusi gabungan Ahli-Ahli Majlis lama dan baharu ini dilihat dapat membantu MBPJ untuk merealisasikan matlamat dan fokus bandar raya ini sekali gus mewacanakan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan menjelang tahun 2030.

Bagi pemilihan dan pelantikan Ahli Majlis, kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada tahun 2021 merangkumi kriteria pemilihan dan lantikan Ahli Majlis, penubuhan jawatankuasa, pengendalian mesyuarat, penilaian prestasi, larangan dan tarikh kuat kuasa.

Selain bertanggungjawab untuk mewakili kepentingan komuniti dalam kawasan PBT masing-masing bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti terpelihara Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan wakil kepada PBT dan kerajaan negeri dalam menyampaikan dasar, inisiatif serta program kepada komuniti setempat.



Di samping itu, Ahli Majlis juga berperanan merapatkan jurang di antara kerajaan negeri dan masyarakat seterusnya meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan demi mencapai visi, misi dan aspirasi kerajaan negeri.

Justeru, Majlis berharap, sokongan dan komitmen jitu daripada semua Ahli-Ahli Majlis sentiasa berpanjangan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

Diharapkan dengan jalinan kerjasama dan komitmen serta sokongan padu yang diterapkan diantara satu sama lain dapat mengekalkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya di peringkat negeri mahupun nasional.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (6)**

**Tarikh: 23 Januari 2024**

## **ISU SAMPAH DI TAMAN AERA RESIDENCE PJS 5 PETALING JAYA**

Merujuk kepada perkara yang diadukan oleh pejabat pengurusan AERA Residence berkaitan sampah yang tidak dikutip di Taman AERA Residence PJS5 Petaling Jaya.

Ingin dimaklumkan kawasan tersebut masih lagi di bawah tanggungjawab pemaju untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dan pembersihan sampah di taman tersebut. Maklumat yang diberikan oleh pejabat pengurusan di mana kawasan tersebut telah diambil alih sepenuhnya oleh MBPJ adalah tidak tepat kerana ianya masih lagi diperingkat proses untuk serahan kepada Majlis dan masih lagi terdapat kerja-kerja yang masih belum diselesaikan oleh pihak pemaju.

Berdasarkan kepada lawatan tapak yang dijalankan oleh Jabatan Landskap MBPJ pada 19 Disember 2023, pihak pemaju masih lagi belum mematuhi sepenuhnya keperluan yang ditetapkan oleh Majlis.

Justeru, melalui aduan yang diterima ini Majlis akan mengeluarkan surat arahan kepada pemaju untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dan pembersihan sampah di taman tersebut.

Tindakan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang tidak mengutamakan kebersihan dengan membuang sampah merata-rata juga amat dikesali. Taburan sampah-sampah ini sekali gus mendatangkan imej negatif kepada Majlis sebagai bandar raya bersih dan sejahtera. Kejadian tersebut adalah disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab pengunjung yang dengan sengaja membuang sampah di merata tempat tanpa menghiraukan hak orang lain.

Majlis mengharapkan kerjasama daripada semua untuk mengambil sikap tegur-menegur kepada individu yang membuang sampah sesuka hati di merata tempat. Segelintir individu tanpa rasa bersalah sampah dibuang merata-rata kerana sentiasa berasakan ada pekerja pembersihan akan mengutip sampah mereka.

Mana-mana individu yang didapati bersalah membuang sampah merata boleh dikenakan tindakan kompaun sebanyak RM2,000.00 di bawah UUK Taman MPPJ 2005. Orang ramai yang berkunjung atau menggunakan segala kemudahan diingatkan supaya lebih bersikap positif dengan membuang

sampah ke dalam kemudahan tong sampah yang disediakan bagi memastikan tahap kebersihan sentiasa terjaga.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my) Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (7)

Tarikh: 26 Januari 2024

## MAKLUMBALAS ARTIKEL SIARAN AKHBAR THE STAR BERTAJUK “PJ RESIDENTS UPSET OVER LACK OF MAINTENANCE AT SPORTS FIELD’S PUBLIC TOLIET”.

Merujuk kepada artikel yang disairkan oleh akhbat The Star bertajuk “*Pj Residents Upset over Lack of Maintenance at Sports Field’s Public Toliyet*” bertarikh 24 Januari 2024.

Untuk makluman, tandas awam di Padang Astaka masih dibuka untuk kegunaan orang awam. Penutupan sementara hanya melibatkan tandas wanita sahaja pada 22 Januari 2024 bagi kerja-kerja penyeleggaran kerana terdapat kerosakan paip.

Walaupun bagaimanapun bagi memastikan kemudahan dan keselesaan orang ramai, Majlis telah menjalankan kerja-kerja pembaikan di tandas awam Padang Astaka (tandas wanita) tersebut termasuk dua buah tandas di kawasan gym Padang Astaka seperti yang dilaporkan dalam artikel di atas. Kesemua tandas ini telah pun dibuka untuk kegunaan orang ramai seperti biasa.

Oleh yang demikian dalam usaha memelihara kebersihan dan keselesaan tandas awam, orang ramai dinasihatkan bersama-sama membantu MBPJ menjaga tandas awam dengan sebaiknya untuk keselesaan dan kemudahan bersama.

Majlis juga menasihatkan orang ramai untuk melaporkan sebarang kejadian vandalisme atau kerosakan kemudahan di talian hotline MBPJ 03-7954 2020 atau emel [aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my).

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

